

6 NEGARA!

KOSMO! SELASA 5 SEPTEMBER 2017

Najib beri bayangan akan umum beberapa berita baik untuk rakyat

Budget 2018 rangkumi aspirasi TN50

KUALA LUMPUR – Bajet 2018 akan merangkumi aspirasi rakyat yang disampaikan menerusi siri dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam.

Menurutnya, kerajaan tidak akan menunggu sehingga tahun 2050 untuk melaksanakan input yang disuarakan oleh rakyat dalam beberapa siri Dialog TN50 di seluruh negara.

“Dialog TN50 ini (membinangkan hal-hal) bagi membuat perubahan pada masa akan datang tetapi ada aspek tertentu yang kita perlu laksanakan pada masa ini.

“Sebagai contoh, perubahan dalam bidang pendidikan hanya akan dirasai pada dua tiga generasi akan datang,” katanya ketika sesi Dialog TN50

dan Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2017 di sini semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Seramai 18 wanita yang mewakili golongan profesional, orang kelainan upaya dan gelandangan menyuarakan pendapat dan aspirasi mereka dalam dialog tersebut.

Najib yang juga Menteri Kewangan turut memberikan bayangan beberapa berita baik akan diumumkan khusus bagi wanita semasa pembentangan bajet itu yang dijadual pada 27 Oktober depan.

“Saya tidak mahu beritahu sekarang,” katanya.

Perdana Menteri berkata,



NAJIB berucap pada Dialog TN50 dan Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2017 di Kuala Lumpur semalam.

Bajet 2018 mengambil kira hasil pendapatan negara sebelum memutuskan untuk mengeluarkan sebarang peruntukan.

Menyifatkan bajet negara

seperti menguruskan perbelanjaan rumah tangga, Najib berkata, kerajaan tidak boleh membelanjakan kesemua wang yang ada kerana jika kerajaan berbuat demikian, ia bakal berdepan masalah kewangan.

Sementara itu, beliau berkata, kira-kira 700,000 wanita Malaysia berada dalam sektor tenaga kerja yang memberi impak 0.3 peratus kepada Keleluaran Dalam Negara Kasar.

“Dalam bidang pendidikan pula, enrolmen dalam Institusi Pendidikan Tinggi Awam meningkat daripada 62.5 peratus pada tahun 2011 kepada 64 peratus pada tahun 2015 manakala dalam bidang pengajian peringkat PhD (doktor falsafah) pada tahun 2011 sebanyak 43.1 peratus berbanding 44.8 peratus pada tahun 2013,” katanya.